

CNS7289

U GB 02-04 00217 BD480

bah

Mahathir - Slogan

JANGAN LAGI BERCAKAP TENTANG SABAH UNTUK ORANG SABAH, KATA PM

KOTA KINABALU, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Sabah supaya mengikis sentimen kenegerian, sebaliknya menganggap diri mereka sebagai satu bangsa Malaysia yang "berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan penduduk negeri lain.

"Sepatutnya kita lupakan tentang dari mana kita datang. Apabila kita berdiri dalam arena antarabangsa, kita adalah rakyat Malaysia dan kita bersaudara dengan semua rakyat di negara ini tidak kira di mana juga mereka berasal," katanya pada majlis Perhimpunan Bersama Rakyat yang disiarkan secara langsung menerusi TV1 di Wisma Muis di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata semangat perpaduan penting agar rakyat dapat mengikis perasaan asing antara satu sama lain, sekaligus dapat mengelakkan mana-mana pihak daripada menggunakan sentimen itu untuk kepentingan peribadi.

Beliau menegaskan tidak wujud sebarang perbezaan antara penduduk di negara ini sebaliknya semuanya menikmati hak yang sama, termasuk menjawat jawatan tertinggi, tanpa mengira negeri asal, bangsa atau agama.

"Kalau layak, dia boleh menjadi menteri atau Perdana Menteri, tidak ada larangan. Penduduk daripada Sabah pun boleh menjadi Perdana Menteri, tetapi dia hendaklah (menjadi) Perdana Menteri Malaysia, bukan Perdana Menteri Sabah di Malaysia. Saya juga bukan Perdana Menteri Kedah di Malaysia. -- Lagi

▼02/04/18-50MST

U GB 02-04 00165 BD481

bah

Mahathir - Slogan 2 Kota Kinabalu

"Jangan lagi ada orang bercakap tentang Sabah untuk orang Sabah tetapi selepas itu mereka mengambil semuanya untuk (kepentingan) diri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) telah mencuba untuk memberikan pilihan kepada penduduk Sabah pada pilihan raya negeri lepas tetapi gagal mencapai kemenangan kerana slogan Sabah Untuk Orang Sabah begitu kuat pengaruhnya terhadap penduduk di negeri ini.

"Di mana-mana juga mereka (pemimpin Parti Bersatu Sabah) pergi, slogan inilah yang digunakan. Malangnya ramai yang terpengaruh. Akibatnya, rakyat Sabah bukan sahaja tidak menikmati pembangunan tetapi (kehidupan mereka) menjadi lebih buruk daripada dahulu.

"Mereka percaya yang dimaksudkan dengan orang Sabah ini ialah semua rakyat Sabah. Malangnya, bagi pemimpin kerajaan ini, orang Sabah itu bermaksud diri mereka sendiri dan bukannya rakyat Sabah secara keseluruhannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Sabah kini bosan dengan cara pemerintahan sedemikian dan mahukan perubahan agar Sabah maju setanding atau lebih pesat berbanding negeri lain. -- Lagi

▼02/04/18-52MST

U GB 02-04 00148 BD482

bah

Mahathir - Slogan 3 Kota Kinabalu

Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri Sabah sebelum ini sepatutnya mengamalkan dasar yang serupa dengan dasar kerajaan Persekutuan yang menumpukan perhatian terhadap usaha memajukan kawasan luar bandar.

Katanya Sabah kini sepatutnya sudah menjadi negeri utama di Malaysia sekiranya sebahagian kekayaan Sabah digunakan untuk membangunkan kawasan itu tetapi ini tidak berlaku akibat sikap pemimpinnya.

"Mereka tidak peduli nasib rakyat kerana asyik memperkayakan diri mereka. Sebab itulah ramai pemimpin di Sabah menjadi kaya-raya sedangkan rakyatnya miskin," katanya.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan pusat bukannya menjajah Sabah, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak pernah melihat rakyat Sabah sebagai penduduk tanah jajahan Malaysia tetapi sama dengan rakyat Malaysia yang lain.

"Sakaran (Tan Sri Sakaran Dandai, Ketua Menteri Sabah) juga berasal dari Sabah tetapi kita tidak melihat beliau sebagai wakil Sabah tetapi sebagai menteri kerajaan pusat," katanya. -- Lagi

---

CNS7295

U GB 02-04 00077 BD483

bah

Mahathir - Slogan 4 (Akhir) Kota Kinabalu

Sakaran sebelum ini ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Perdana Menteri berharap kerajaan BN Sabah menjalankan tugasnya dengan sempurna agar rakyat sedar erti sebuah kerajaan yang baik, dan mengingatkan bahawa tugas sebagai menteri bukan untuk kebanggaan tetapi untuk memenuhi amanah rakyat.

"Apa yang penting ialah kerajaan yang baik, bukan apa yang akan kita dapat," katanya. -- Bernama

MOK JS AKD